

Company Name : Destini Berhad
Date : 31 May 2016
Source : Berita Harian

Destini sasar terima jumlah tempahan RM1b menjelang 2017

Penyedia penyelesaian kejuruteraan bersepadu, Destini Bhd, menyasarkan menerima jumlah tempahan bernilai RM1 bilion menjelang 2017.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Rozabil Abdul Rahman, berkata setakat 31 Mac 2016, jumlah tempahan dalam tangan kumpulan itu adalah RM650 juta, dengan penyumbang terbesarnya adalah kontrak marin.

"Jika mengambil kira pengembangan penerbangan, saya menjangkakan kontrak itu (bernilai) lebih RM1 bilion menjelang awal 2017," katanya kepada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Shah Alam, semalam.

Menurut Rozabil, Destini pada masa ini bergiat aktif dalam dua segmen iaitu marin dan penerbangan komersial yang menyumbang secara positif kepada kumpulan.

Mahu perkukuh kedudukan

"Dalam masa beberapa tahun lagi, kami berhasrat mengukuhkan kedudukan kami dengan skop perkhidmatan yang lebih meluas.

* "Kami juga menyasarkan untuk muncul sebagai penyedia terkemuka perkhidmatan penyelenggaraan, baik pulih dan pembaikan (MRO) bagi pesawat komersial di rantau ASEAN," katanya.

Daripada segi penerbangan komersial, Rozabil berkata syarikat itu sudah mengusahakan kontrak komponen MRO untuk Air-Asia, selain mengembangkan perkhidmatan lain pada suku ketiga tahun ini dan turut mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan lain.

Katanya, Destini juga merancang mengembangkan keupayaannya dalam perkhidmatan MRO rel di bawah segmen pengangkutan darat.

"Kami merancang menceburi MRO rel sejak tahun lalu, namun tidak membuat sebarang pengumuman. Bagaimanapun, untuk tahun ini, kami sudah bersedia sedia untuk bergiat dalam bidang industri rel termasuk membida tender MRO dan pembejalan peralatan bernilai RM250 juta," katanya.

Rozabil berkata, pengumuman mengenai status usaha sama syarikat itu dalam perkhidmatan rel akan diumumkan pada suku ini.

BERNAMA

Info

Keputusan kewangan suku pertama berakhir 31 Mac 2016

→ **Untung sebelum cukai** RM9.61 juta berbanding RM1.3 juta suku sama 2015

→ **Pendapatan meningkat** kepada RM81.75 juta daripada RM37.94 juta

→ **Sebahagian besar** pertumbuhan itu didorong peningkatan dicatatkan perkhidmatan pengeluaran marin